

**MINIT MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA  
PERSATUAN PENDUDUK KONDOMINIUM LANGAT JAYA (PPKLJ)  
BIL 04/2006**

Tarikh : 03 Disember 2006  
Tempat : Dewan Rekreasi Pangsapuri Langat Jaya  
Masa : 9.00 malam

**HADIR**

1. En. Jamaludin Bin Hassan	-	Pengerusi
2. En Zainudin Bin Jahaya	-	Tim. Pengerusi
3. En. Nazlan bin Abdullah	-	Setiausaha
4. En. Norazman Bin Daud	-	Penolong Setiausaha
5. En. Mohd Rizal Bin Ahmad	-	Bendahari
6. En. Muhammad Buhari Bin Dawood Gany	-	AJK
7. Pn. Saadiah Bt Mohd Said	-	AJK
8. En. Shahril Bin Buyung	-	AJK
9. Pn Sabariah Bt Ibrahim	-	AJK
10. Pn Zawiyah Bt Hj. Mohd Amin	-	AJK
11. Pn Siti Aishah Bt Othman	-	Wakil kpd En Nather-AJK
12. En. Abdul Rahman Bin Abd Talib	-	Penasihat

**1. UCAPAN PEMBUKAAN**

Pengerusi mengucapkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas semangat kerjasama ahli-ahli dan juga penghuni dalam menjayakan Malam Mesra Aidilfitri 2006. Pengerusi juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua AJK yang hadir bagi menjayakan mesyuarat kali ini. Beliau juga berharap semua ahli dapat memantapkan lagi hubungan supaya seiring dengan kehidupan kita.

Sebelum memulakan mesyuarat ,Pengerusi meminta pendapat ahli bentuk tindakan yang sewajarnya terhadap dua orang AJK yang tidak menghadiri dalam mesyuarat kali ini iaitu En. Shahrudin dan En. Ng Thean Chong.

Penasihat dan juga semua AJK sebulat suara meminta Pengerusi menghubungi kedua AJK tersebut dan tindakan akan di ambil setelah mendapat penjelasan mereka terlebih dahulu.

Pegerusi seterusnya memita laporan aktiviti sepanjang bulan Ramadhan dari AJK agama dan juga laporan Malam Mesra Aidilfitri 2006 dari AJK Keraian. Kedua-dua AJK terbabit berjanji akan menyiapkan laporan tersebut.

**2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KETIGA 2006**

Mesyuarat bersetuju mengesahkan minit mesyuarat kali ketiga yang telah diadakan pada 05 November 2006.

**3. KHAIRAT KEMATIAN**

- 3.1 Pengerusi mencadangkan untuk menyertai tabung khairat kematian Kg. Melaka dan disokong oleh semua AJK yang hadir.
- 3.2 Satu notis pemberitahuan hendaklah diletakkan di papan kenyataan.

**4. PEMASANGAN AWNING**

- 4.1 Pengerusi memberitahu telah menerima sepucuk surat dari salah seorang penghuni mencadangkan untuk meminta kebenaran dari pihak pengurusan untuk membina awning.
- 4.2 Satu surat untuk dihantar kepada pihak pemaju berkenaan perkara ini.

**5. ISU SALES BANNER**

- 5.1 Pengerusi juga menerima satu aduan dari penghuni atas pengantungan salaes banner oleh pihak pemasaran tanpa kebenaran penghuni .
- 5.2 Pengerusi dan juga timbalan pengerusi sendiri telah berjumpa dengan pihak pemasaran terhadap perkara ini tetapi tidak mendapat perhatian.
- 5.3 Satu notis akan dihantar kepada pihak pemasaran untuk memberi tempoh seminggu untuk menurunkan banner tersebut.

**6. KUTIPAN YURAN**

- 6.2 Kutipan yuran tahunan akan bermula pada bulan Disember 2006.
- 6.3 Yuran tahunan untuk seorang ahli ditetapkan RM10.00 seorang dan yuran bulanan pula sebanyak RM2.00 seorang.
- 6.4 Satu notis pemberitahuan akan ditampal di papan kenyataan dan yuran hanya boleh dibayar kepada ahli sahaja.

**7. KEGIATAN SUKAN**

- 7.1 Pengerusi memberitahu setakat ini antara aktiviti sukan yang telah dijalankan adalah futsal dan juga senamrobik.
- 7.2 Pengerusi mencadangkan untuk menyertai aktiviti sukan takraw dengan Kg. Melaka.
- 7.3 AJK sukan mencadangkan untuk mendapat peralatan sukan seperti meja ping pong, karom dll dari pihak pengurusan.
- 7.4 Pengerusi meminta laporan aktiviti sukan dari AJK sukan.

**8. LAIN-LAIN HAL**

- 8.1 Pengerusi mencadangkan untuk membeli satu rak tv untuk kegunaan di dewan rekreasi.
- 8.2 En. Rahman mencadangkan untuk meminta satu surau yg lebih besar untuk kegunaan lebih ramai penghuni memandangkan surau sedia ada terlalu kecil.
- 8.3 Puan Zawiah mengadu tentang terdapat penghuni yang memelihara binatang peliharaan dan membuang sampah merata-rata.

**9. PENANGGUHAN**

Mesyuarat akan datang akan diadakan pada hari Ahad 17 hb Disember 2006 jam 9.00 malam di Dewan Rekreasi Kondominium Langat Jaya.

Mesyuarat telah ditangguhkan pada pukul 11.30 malam.

Disediakan Oleh:

Diluluskan Oleh:

Nazlan Bin Abdullah  
Setiausaha PPKLJ  
Tarikh:

Jamaludin Bin Hassan  
Pengerusi PPKLJ  
Tarikh: